

# Sistem i-MeX PKU percepat pendaftaran pelajar baharu

**S**ISTEM pemeriksaan kesihatan *In House Medical Check Up Express* (i-MeX) Pusat Kesihatan Universiti (PKU) bukan sahaja mempercepatkan urusan pendaftaran kemasukan pelajar baharu, malah dapat mengenal pasti lebih awal pelajar yang mempunyai masalah kesihatan.

Ini bagi membolehkan tindakan susulan dapat diambil bagi membantu pelajar terbabit.

Selain menjimatkan masa ketika proses pendaftaran kemasukan pelajar, sistem yang dibangunkan oleh PKU Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Projek Pengurusan Lean itu berjaya menjana pendapatan kepada PKU dan UPM, sekali gus menjimatkan kos dan penggunaan sumber manusia.

i-MeX mula dilaksanakan sebagai projek perintis pada 2016 semasa pendaftaran kemasukan kira-kira 1,000 pelajar asasi dan berjaya menyingkatkan tempoh proses pemeriksaan kesihatan kepada satu minggu berbanding sebulan sebelumnya.

Semua maklumat dan butiran yang diperlukan juga dapat diseragamkan selain data yang lengkap dapat diperoleh pada hari yang sama. Di samping itu, penggunaan sistem itu juga dapat menjaga kerahsian maklumat kesihatan pelajar.

Inovasi sistem i-MeX itu berjaya merangkul Anugerah Emas pada Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Wilayah (RTEX) 2018 bagi Wilayah Tengah yang disertai oleh 63 agensi kerajaan dan swasta anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Ketua kumpulan yang membangunkan i-MeX, Dr. Suhyna



**DR. SUHYNA MOHAMAD SULAIMAN** (kiri) bersama ahli kumpulannya menerima Anugerah Emas dalam Konvensyen *Team Excellence* Peringkat Wilayah, baru-baru ini.

Mohamad Sulaiman berkata, pelaksanaan sistem itu bukan sahaja memudahkan PKU dan universiti tetapi juga pelajar, kerana ia melancarkan proses pendaftaran kemasukan pelajar baharu ke UPM.

“Sebelum i-MeX dilaksanakan, semua kakitangan PKU perlu keluar ke semua 17 kolej bagi menguruskan perihal borang pemeriksaan kesihatan sama ada yang lengkap atau tidak lengkap bagi kira-kira

3,000 pelajar prasiswazah. Keadaan ini menyebabkan universiti perlu membayar eluan kerja lebih masa kepada kakitangan terbabit.

“Pada masa yang sama, banyak maklumat dan dokumentasi yang tidak lengkap diterima seperti tiada laporan atau filem X-ray dan ujian air kencing. Ini menyebabkan PKU terpaksa memanggil semula pelajar berkenaan bagi melengkapkan proses berkenaan, dan sedikit sebanyak



Pelaksanaan sistem itu bukan sahaja memudahkan PKU dan universiti tetapi juga pelajar, kerana ia melancarkan proses pendaftaran kemasukan pelajar baharu ke UPM.”

**SUHYNA MOHAMAD SULAIMAN**

Ketua kumpulan i-MeX

mengganggu kehadiran pelajar ke kuliah kerana perlu mengulang semula ujian diagnostik itu,” katanya.

Dr. Suhyna yang juga Ketua Perkhidmatan Pesakit Luar PKU berkata, melalui pemeriksaan dalam i-MeX itu, dokumentasi akan menjadi kemas serta seragam.

Melalui prapendaftaran di e-daftar, pelajar perlu mengisyiharkan status kesihatan mereka dan ini dapat membantu PKU mengenal pasti mereka yang perlu mendapatkan perhatian perubatan dengan segera sebelum sebaik tiba di UPM.

“Kita akan membuat pemeriksaan kesihatan dan jika pelajar dikesan menghidapi sesuatu penyakit, kita akan memaklumkan kepada fakulti dan kolej untuk tindakan selanjutnya,” katanya sambil menjelaskan pelajar antarabangsa turut diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan di PKU.